



# *ICT Business Centre* kongsi kepakaran bersama rakan niaga

Lebih 50 rakan strategik melibatkan 15 syarikat hadir mengikuti *Business Partnership & Product Showcase High Tea* anjuran ICT Business Centre Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi mendapatkan perkongsian pengalaman dan idea dalam menjalankan perniagaan berdasarkan teknologi ICT.

Menurut Pengarah Urusan *ICT Business Centre*, Profesor Madya Wan Maseri Wan Mohd, objektif utama program ini dijalankan adalah untuk memberi peluang kepada pembekal-pembekal yang aktif dan berpotensi dalam bidang ICT untuk menjalinkan kerjasama dengan *ICT Business Centre* dalam perkongsian pengalaman selain menjana pendapatan melalui produk ICT.

Beliau berkata, program ini juga sejajar dengan penubuhan *ICT Business Centre* yang bertujuan mengkomersialkan produk dan perkhidmatan ICT termasuk semua sumber yang ada di Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).

Majlis penutup disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan dalam ucapannya beliau berkata

program ini begitu signifikan dalam konteks penjajaran strategik PTMK sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab di UMP dalam kerangka Perlaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Menurut Dato' Daing, *ICT Business Centre* berperanan sebagai Unit Bisnes Strategik yang menyokong sumbangan PTMK kepada Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) kedua iaitu Kelestarian Kewangan.

"Pihak pengurusan UMP memandang serius komitmen semua Pusat tanggung jawab agar melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi menambah nilai kepada pencapaian objektif Pelan Strategik UMP 2011-2015.

"Melalui nilai kreativiti dan inovasi serta tidak terikat kepada gaya ortodoks atau konvesional, semua PTJ berupaya menjana sumbangan dalam parameter keupayaan masing-masing.

"Hasil perkongsian kepakaran dan keupayaan ini amat bermakna bukan sahaja kepada UMP malah memberi manfaat kepada masyarakat awam, badan-badan swasta dan korporat," katanya.

Peserta yang hadir, Normah Mamat yang merupakan Pengurus Akaun, Telekom Malaysia

Berhad berkata, program ini banyak memberi maklumat mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh *ICT Business Centre*, UMP.

Katanya, dalam era ICT yang serba canggih ini memerlukan produk-produk yang dapat membantu dalam pengurusan yang lebih bersistematis. Selain itu, syarikat juga dapat mengambil peluang ini untuk berkongsi pengalaman dan menjalinkan kerjasama dengan UMP.

Antara syarikat yang menjayakan program ini terdiri daripada Telekom Malaysia Berhad, Mymit Integration, Arena Hakikat, Fifway System, Oratex Solution dan Restu Lestari.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yusarie Zainuddin dan Pengarah Urusan UMP Holding Sdn. Bhd., Dr. Md Yusoff Taib.

*ICT Business Centre* menawarkan pelbagai produk perkhidmatan termasuklah khidmat konsultansi dan produk ICT kepada organisasi luar melibatkan IPT, pusat latihan dan jabatan kerajaan serta menjayakan konsep *outsourcing* yang diperkenalkan Kerajaan.